



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

12 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sahkan Rampas Ayam Belanda

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Borneo	Sarawak	Online	11 Dis



MIRI: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) mengesahkan pihaknya merampas ayam belanda yang dijual di beberapa pasar raya di sini minggu lalu kerana diimport secara haram.

Pengarahnya Datu Dr Adrian Susin Ambud (gambar) berkata rampasan ke atas ayam belanda yang dilakukan pada 4 Disember lalu dianggarkan bernilai RM37,000.

"Ya ayam-ayam belanda ini telah dirampas kerana diimport secara haram iaitu

tanpa permit veterinar.

"JPVS mengambil tindakan terhadap kesalahan mengimport secara haram," katanya ringkas ketika dihubungi Utusan Borneo di sini semalam.

Dr Adrian menjelaskan demikian sebagai membalas pertanyaan sama ada pihaknya bertindak sebegitu berikutan aduan mengenai kekurangan ayam belanda di pasar raya tempatan.

Turut dilaporkan beberapa hotel telah memutuskan untuk tidak memasukkan

ayam belanda dalam menu
Krismas mereka tahun ini
kerana ketiadaan bekalan
dan pembekalnya.-
[UTUSANBORNEO](#)

DVSS Ambil Tindakan Tegas, RM37K Ayam Belanda Dirampas Di Miri

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
ILoveBorneo	Cerita Borneo	Online	11 Dis



Gambar ilustrasi

**DVSS RAMPAS AYAM
BELANDA BERNILAI
RM37,000 AKIBAT IMPORT
HARAM**

pada 4 Disember lalu dengan
anggaran nilai ayam belanda
berkenaan sebanyak
RM37,000.

DVSS Ambil Tindakan Tegas,
RM37K Ayam Belanda
Dirampas Di Miri. Jabatan
Perkhidmatan Veterinar
Sarawak (DVSS) telah
merampas sejumlah ayam
belanda yang dijual di
beberapa pasar raya di sini
pada minggu lalu kerana
diimport secara haram.

“Ya, ayam belanda ini
dirampas kerana diimport
tanpa permit veterinar. DVSS
mengambil tindakan tegas
terhadap sebarang aktiviti
import haram,” katanya
menurut laporan media
tempatan.

Pengarah DVSS, Datu Dr.
Adrian Susin Ambud,
mengesahkan bahawa
rampasan tersebut dilakukan

**KEKURANGAN AYAM
BELANDA DI PASARAN
TEMPATAN**

Rampasan ini dilakukan
selepas menerima aduan

berhubung kekurangan bekalan ayam belanda di pasar raya tempatan. Kekurangan ini turut memberi kesan kepada beberapa hotel yang memutuskan untuk tidak menyajikan hidangan ayam belanda dalam menu Krismas mereka tahun ini.

Bagi masyarakat yang meraikan Krismas, ayam belanda sering menjadi hidangan tradisional. Tradisi ini dipercayai bermula di Britain semasa pemerintahan Raja Henry VIII, yang memilih ayam belanda sebagai ganti kepada goose (itik liar) pada Hari Krismas. Raja Edward VII kemudian mempopularkan tradisi tersebut, menjadikan ayam belanda sebagai hidangan utama semasa perayaan.

ALTERNATIF KEPADA AYAM BELANDA

Bagi mereka yang menghadapi kesukaran mendapatkan ayam belanda, terdapat pelbagai pilihan alternatif seperti ayam panggang, itik, atau kambing bakar yang boleh disediakan sebagai hidangan Krismas. Yang penting, semangat perayaan dan kebersamaan keluarga tetap menjadi keutamaan.-[ILOVEBORNEO](#)

Musim Monsun Tingkat Risiko Kepada Penternak, Ini Saranan Pakar

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Bangkit	Nasional	Online	11 Dis



PETALING JAYA: Hujan lebat yang dijangka berterusan sehingga 16 Disember depan semestinya mengakibatkan kekhuatiran terhadap kerosakan harta benda, serta meningkatkan risiko kehilangan nyawa.

Apatah lagi, Prof Dr Anjas Asmara Samsudin berkata, kekuatan angin melebihi 50 kilometer sejam itu sudah pasti membawa jumlah air hujan yang banyak ke kawasan daratan, sekali gus meningkatkan skala serta impak risiko pelbagai bencana.

Pengarah Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berkata, fenomena itu juga akan memberi kesan langsung kepada pelbagai sektor termasuk pertanian, perternakan, perikanan dan akuakultur.

Memetik laporan Pelan Induk Kajian Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber-Sumber Makanan Negara (KAGUMN) yang dikeluarkan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) pada 2021, Anjas berkata,

hampir 62 peratus kawasan pengeluaran makanan sedia ada di Semenanjung Malaysia terdedah risiko bencana banjir.

Menurutnya, kawasan tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan didapati sangat terdedah kepada risiko itu sehingga menjejaskan keluasan tanah seluas 513,495.97 hektar, diikuti aktiviti penternakan (12,280.34 hektar) dan aktiviti perikanan (13,253.76 hektar).

“Hujan lebat yang berterusan menghalang komuniti sektor pertanian dalam menjalankan rutin pertanian mereka secara harian. Ini belum lagi mengambil kira kawasan tanaman, infrastruktur kandang ternakan serta kolam ternakan ikan yang rosak akibat fenomena ini.

“Bagi sektor ternakan terutamanya sektor ruminan, hujan lebat berterusan menyukarkan ternakan untuk keluar meragut, selain kerosakan rumput disebabkan petak ragutan dinaiki air.

“Keadaan yang berlanjutan boleh menimbulkan kesulitan kepada penternak dalam memastikan kecukupan makanan untuk ternakan mereka,” katanya kepada Malaysia Bangkit pada Selasa.

Sebelum ini, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) memaklumkan bahawa, luruan monsun yang sedang berlaku ketika ini dijangka berterusan sehingga 16 Disember ini berdasarkan analisis model-model cuaca terkini.

Menurut MetMalaysia, keadaan itu berpotensi menyebabkan hujan berterusan di timur dan utara Semenanjung serta Sabah sepanjang tempoh berkenaan.

Persediaan awal banjir kepada penternak

Dalam pada itu, Anjas memberi saranan kepada para penternak untuk memindahkan haiwan ternakan ke kawasan lebih tinggi sebagai persediaan awal menghadapi banjir pada masa hadapan.

Beliau berkata, perkara itu penting untuk mengelakkan haiwan ternakan daripada mati lemas.

Tambahnya, agensi berkaitan seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) bertindak secara proaktif dengan menawarkan pelbagai perkhidmatan kepada penternak yang terkesan.

“Antaranya dengan membantu proses

pemindahan ternakan ke kawasan selamat serta menyalurkan bantuan makanan ternakan bagi ladang yang terkesan banjir.

“JPV juga telah menggerakkan Bilik Gerakan Bencana Banjir di kawasan yang sering dilanda musibah ini.

“Para penternak juga diingatkan agar sering cakna dengan informasi-informasi terkini yang dikeluarkan oleh pejabat JPV sama ada di daerah atau di negeri masing-masing, agar proses saluran bantuan semasa bencana banjir dapat diselaraskan dan dijalankan dengan cekap dan berkesan,” katanya.

Dalam perkembangan sama, Anjas berkata, penghasilan makanan seperti rumput peram antara langkah proaktif yang perlu diamalkan penternak ruminan di kawasan yang sering dilanda banjir.

Beliau berkata, sekiranya rumput peram dihasilkan dengan proses yang betul, ia dapat disimpan dalam tempoh bertahun-tahun selama mana tidak digunakan.

Selain itu, jelasnya, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) juga telah

menyediakan beberapa inisiatif untuk membantu kumpulan sasar sektor pertanian dan agro makanan yang terkesan banjir.

Katanya, ini termasuk melalui Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) untuk komuniti pesawah dan Program Pembangunan Semula Projek Agro Makanan (PPSPA) bagi aktiviti agro makanan serta tanaman padi.

“Menurut rekod bantuan bencana pada tahun 2022, sebanyak RM13.5 juta telah disalurkan dan dimanfaatkan oleh seramai 2,167 pesawah padi yang terjejas melalui inisiatif TBTP.

“Malah, sejumlah RM39.6 juta telah berjaya disalurkan kepada 4,833 kumpulan sasar yang terjejas dibawah inisiatif PPSPA.

“Melalui bantuan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan, ianya diharapkan dapat membantu para penternak yang terkesan dalam meneruskan aktiviti penternakan agar kelangsungan sumber makanan untuk rakyat di negara ini terus terjamin,” ujarnya.

Pada Selasa, media tempatan melaporkan sebanyak 300 ekor lembu serta ratusan kambing, itik dan ayam mati akibat banjir gelombang

pertama di tiga buah kampung di Pasir Mas, Kelantan selepas gagal diselamatkan berikutan paras air yang naik terlalu cepat.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan Serogga, Norhisyam Mustafa dilapor berkata, pada 29 November lalu air dari Sungai Lubok Jong telah melimpah ke dalam kampung sehingga menenggelamkan semua rumah penduduk.

Norhisyam juga dilapor berkata, ketika ini tiada kawasan tinggi yang selamat untuk didiami haiwan ternakan manakalan anggaran jumlah kerugian melebihi RM100,000.-

[MALAYSIABANGKIT](#)

Veterinary Dept Confirms Confiscating RM37,000 Worth Of Turkeys Imported Without Permits In Miri

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Borneo Post	Sarawak	Online	11 Dis



Photo for illustration purposes only. — Photo by RDNE Stock project/Pexels

MIRI (Dec 11): The Department of Veterinary Services Sarawak (DVSS) confiscated turkeys sold at several supermarkets here last week due to illegal importation.

DVSS director Datu Dr Adrian Susin Ambud confirmed that the turkeys, seized on Dec 4, were estimated to be worth RM37,000.

“Yes, these turkeys were confiscated due to illegal importation without a veterinary permit.

“DVSS takes action against

illegal imports,” he told The Borneo Post when contacted today.

Dr Adrian was responding to enquiries about the seizure following complaints of a shortage of turkeys in local supermarkets.

It is understood that several hotels have opted not to include turkey in their Christmas menus this year due to their unavailability from suppliers.

The tradition of eating turkey during Christmas is said to have originated in Britain

from the time of King Henry VIII, who decided to swap out the traditional goose for a turkey on Christmas day.

King Edward VII then took to the delicacy and popularised having turkeys for Christmas after which it rapidly became a tradition amongst British people.-[THEBORNEOPOST](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR